

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kesesakan penjara, penderaan, buruh kanak-kanak, halangan keadilan, keadaan sanitasi dan keadaan kesihatan yang buruk dan layanan tidak berperikemanusiaan di pusat-pusat tahanan sementara di Sabah seperti yang didakwa oleh KomnashAM dan SUHAKAM.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan memandang serius tuduhan tersebut. Sehubungan itu, satu siasatan dalaman telah dilakukan agensi yang menyelia Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Sabah bagi mengenal pasti isu yang diutarakan pihak KomnasHAM. Namun demikian, maklumat tuduhan yang dikemukakan KomnasHAM tidak lengkap termasuk maklumat orang tahanan yang dinyatakan bagi memudahkan siasatan.
2. Kerajaan senantiasa menjalinkan hubungan kerjasama yang erat bersama pihak kedutaan/konsul dimana pihak kedutaan/konsul ini sentiasa diberikan akses untuk bertemu orang tahanan yang ditahan di PTS. Sepanjang tempoh ini, pihak kerajaan tidak pernah menerima aduan bertulis atau lisan daripada pihak Kedutaan/Konsul berkaitan perkara yang dibangkitkan KomnasHAM.
3. Oleh yang demikian, tuduhan-tuduhan ini sama sekali tidak benar dan saya menyeru supaya semua pihak tidak kira individu mahupun kumpulan NGO supaya tidak sewenang-wenangnya melemparkan tuduhan tanpa sebarang asas yang kukuh kerana ia akan mencemarkan imej negara kita.

Sekian, terima kasih.